

Pertikaian Sulaiman, Bekir-Ragad, RHB Investment tertumpu kepada bidang kuasa Syariah atau Sivil

KUCHING: Pertikaian undang-undang antara Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman Abdul Taib dan Dato Sri Mahmud Abu Bekir Taib dengan ibu tiri mereka, Datuk Patinggi Ragad Kurdi Taib dan RHB Investment Bank Berhad kini tertumpu kepada penentuan sama ada kes itu terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil.

Kes itu tertumpu kepada aset besar berkaitan harta pusaka Allahyarham Datuk Patinggi Laila Taib, termasuk saham dalam Cahya Mata Sarawak Berhad (CMSB).

Prosiding semalam menyaksikan Pengarah Urusan Kumpulan CMSB Sulaiman dan Timbalan Pengerusi Kumpulan CMSB Bekir serta Pemangku Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Noor Rafidah Ali hadir sebagai saksi plaintif.

Semasa pemeriksaan utama oleh peguam plaintif (Sulaiman dan Bekir) Jonathan Tay bersama saksi plaintif pertama Noor Rafidah, beliau mengesahkan tiada kes bagi tuntutan harta sepencarian yang difailkan di Mahkamah Syariah berhubung harta pusaka Allahyarham Datuk Patinggi Laila Taib oleh Allahyarham Tun Pehin Sri

Abdul Taib Mahmud.

Dalam pemeriksaan balas oleh peguam RHB Investment Bank Berhad Tan Kee Heng, beliau bertanya kepada Noor Rafidah sama ada Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tindakan berkaitan dengan salah satu daripada 10 perkara yang disenaraikan dalam Seksyen 10(3)(b) Ordinan Mahkamah Syariah 2001.

“Bidang kuasa sivil Mahkamah Tinggi Syariah adalah seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 10(3)(b) Ordinan Mahkamah Syariah 2001,” katanya ketika memberi keterangan.

Beliau juga bersetuju sekiranya kes itu termasuk dalam salah satu daripada 10 kategori yang digariskan dalam Seksyen 10(3)(b) Ordinan Mahkamah Syariah 2001, maka Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa.

Saksi plaintif kedua, Sulaiman dalam pemeriksaan balas oleh peguam Ragad iaitu Alvin Yong, memberi keterangan bahawa arwah ibunya (Laila) mempunyai 111 juta saham dalam CSMB pada masa kematiannya pada 2021.

Beliau menyatakan bahawa beliau tidak mengetahui



HADIR: (Dari kiri) Tay, Bekir, Sulaiman dan Alvin Chong dilihat selepas prosiding di Kompleks Mahkamah Kuching semalam.

bagaimana arwah ibunya memperoleh saham tersebut atau sama ada dia menerima gaji daripada pekerjaan.

Saksi plaintif ketiga, Bekir dalam pemeriksaan balas oleh Tay, mengesahkan bahawa Ragad adalah benefisiari harta pusaka arwah bapanya.

Beliau juga mengesahkan telah menandatangani dokumen pemindahan 400,000 saham dalam Ding Brothers Holding Sdn Bhd yang sebelum ini di bawah harta pusaka arwah ibunya,

yang turut disenaraikan sebagai Aset Lain dalam rekod syarikat.

Semasa pemeriksaan balas oleh peguam bela Lesley Ling untuk RHB Investment Bank Berhad, Bekir mengesahkan tuntutan plaintif untuk saham RM50 juta dalam CMSB adalah supaya saham tersebut dikembalikan kepada harta pusaka arwah ibunya untuk diagihkan kepada semua benefisiari mengikut hak mereka yang sah di bawah prinsip Faraid.

Plaintif iaitu Sulaiman dan Bekir diwakili peguam Tay, Alvin Chong, Harizan Hamzah dan Ezekiel John Chang.

Defendan pertama iaitu Ragad diwakili peguam Yong, Shirleen Ong dan Wong Chung Ming manakala defendan kedua, RHB Investment Bank Berhad diwakili Tan dan Ling.

Prosiding semalam didengar di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Alexander Siew How Wai.